

# PANADOL

## SOLUBLE TABLET FLAVOUR FREE

Paracetamol 500mg

### Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Panadol Soluble Tablet 500mg
2. Bagaimana Panadol Soluble Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Panadol Soluble Tablet
4. Cara menggunakan Panadol Soluble Tablet
5. Semasa menggunakan Panadol Soluble Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Panadol Soluble Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

### Apakah kegunaan Panadol Soluble Tablet

Untuk melegakan demam dan merawat sakit tidak serius (sedikit hingga sederhana) termasuklah: sakit kepala, migrain, sakit otot, Dysmennorhoea, sakit tekak, sakit otot dan sendi, demam dan sakit selepas vaksinasi, sakit selepas prosedur pergigian/ mencabut gigi, sakik gigi, sakit kerana radang ulang-sendi (osteoarthritis).

### Bagaimana Panadol Soluble Tablet berfungsi

Paracetamol adalah sejenis analgesik dan antipiretik. Fungsi mekanismenya dipercayai termasuklah penyekatan sintesis prostaglandin, terutamanya di dalam pusat sistem saraf.

### Sebelum mengambil Panadol Soluble Tablet

#### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini sekiranya anda alah kepada paracetamol atau kandungan lain dalam ubat ini.

Jangan ambil Panadol Soluble Tablet jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Mengandungi *sorbitol powder*. Pesakit yang mempunyai masalah keturunan *fructose intolerance* tidak harus mengambil ubat ini.

#### -Sebelum mula mengambil

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda:

- mempunyai masalah kerosakan hati atau buah pinggang.
- kurang berat badan atau kekurangan zat makanan.
- kerap minum alkohol.

Anda mungkin perlu untuk mengelakkan menggunakan produk ini sama sekali atau menghadkan jumlah paracetamol yang anak anda ambil.

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda:

- Mempunyai jangkitan yang teruk kerana ini boleh meningkatkan risiko asidosis metabolik. Tanda-tanda asidosis metabolic termasuklah pernafasan yang panjang, pantas dan sukar, mual (rasa loya), sakit (muntah), hilang selera makan. Rujuk doktor dengan segera jika anda mendapat kombinasi gejala-gejala seperti ini.

Sila jumpa doktor atau ahli farmasi jika gejala berlarutan.

#### REAKSI ALAHAN:

Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti

menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Sesuai untuk ibu-ibu yang menyusukan bayi.

Sesuai untuk mereka yang menghadapi ulser perut.

Setiap tablet mengandungi 427mg sodium (854mg sodium dalam 2 biji tablet). Pengambilan ubat ini perlu dipertimbangkan sekiranya anda mengikut diet natrium rendah untuk alasan perubatan

#### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Rujuk dengan doktor anda sebelum guna jika anda mengambil *warfarin* atau ubatan yang serupa bagi mencairkan darah.

Jangan gunakan ubat ini jika anda mengambil mana-mana preskripsi atau bukan preskripsi ubat-ubatan lain yang mengandungi parasetamol untuk merawat kesakitan, demam, gejala sejuk dan selesema, atau untuk membantu tidur. Sentiasa membaca dan mengikuti label.

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat-ubatan dan produk ini boleh mengganggu satu sama lain.

Ubat ini mengandungi Paracetamol. Jangan

mengambil sebarang ubat-ubatan lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

### Cara menggunakan Panadol Soluble Tablet

#### -Berapa banyak harus digunakan

Dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas: Ambil 1-2 tablet (500mg-1000mg paracetamol),

# PANADOL

## SOLUBLE TABLET FLAVOUR FREE

Paracetamol 500mg

---

dilarutkan dalam setengah gelas air setiap 4-6 jam bila perlu.

Kanak-kanak berusia 9-11 tahun: 1 tablet (500mg paracetamol), dilarutkan dalam setengah gelas air.

Kanak-kanak berusia 6-8 tahun: ½ tablet (250mg paracetamol), dilarutkan dalam setengah gelas air.

Kanak-kanak di bawah umur 6 tahun: Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah umur 6 tahun.

Dos harian maksimum:-

Dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas: 4000mg paracetamol (8 tablet).

Kanak-kanak berusia 6-11 tahun: 60mg/kg untuk sepanjang tempoh 24 jam, dibahagikan kepada 10-15 mg/kg setiap dos.

Dos yang paling rendah diperlukan untuk mencapai keberkesanan yang harus digunakan. Pengambilan secara oral sahaja.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

-Bila perlu digunakan

Setiap 4 - 6 jam bila perlu.

Pastikan anda tidak ambil lebih kerap daripada setiap 4 jam.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dos berlebihan: Ikut sukatan yang disyorkan kerana dos berlebihan mungkin menyebabkan kerosakan hati.

Jika disyaki atau terambil dos berlebihan, dapatkan rawatan perubatan serta merta kerana risiko kerosakan hati. Dos yang tinggi kandungan sodium bicarbonat dijangka mudah mendorong gejala gastrointestinal termasuk sendawa dan loya. Di samping itu, dos yang tinggi kandungan sodium bicarbonat boleh menyebabkan hyponatremia; elektrolit perlu dipantau dan pesakit harus diuruskan dengan rawatan yang sewajarnya.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

**Semasa menggunakan Panadol Soluble Tablet**

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Panadol Soluble Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan melebihi dos yang disyorkan.

Dewasa (termasuk warga tua) dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke atas: Jangan ambil lebih 4000mg Paracetamol (8 tablet) dalam 24 jam.

Kanak-kanak berusia 6-11 tahun: Pastikan anak anda tidak ambil lebih daripada 4 dos dalam tempoh 24 jam.

Jika kesakitan berlarutan untuk lebih daripada 3 hari, sila jumpa doctor.

Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah 6 tahun.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Panadol Soluble Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Pastikan anda tidak mengambil ubat lain yang juga mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

# PANADOL

## SOLUBLE TABLET FLAVOUR FREE

Paracetamol 500mg

---

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk. Gejala boleh termasuk kemerahan kulit, lepuh dan ruam.

### **Kesan-kesan sampingan**

Hentikan pengambilan ubat ini dan beritahu doktor atau ahli farmasi serta-merta jika:

- anda mengalami tindakbalas alahan seperti ruam kulit atau gatal-gatal, adakala beserta masalah bernafas atau bengkak bibir, lidah, tekak atau muka.
- anda mengalami ruam kulit atau pengelupasan atau ulser dalam mulut.
- anda pernah mengalami masalah pernafasan dengan aspirin atau ubat anti-radang tanpa steroid, dan mengalami tindakbalas yang sama dengan produk ini.
- anda mengalami lebam atau pendarahan yang tidak diketahui puncanya.

Tindakbalas ini jarang berlaku. Seperti ubat-ubatan lain. Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, angioedema, *Stevens Johnson Syndrome/Toxic Epidermal Necrolysis* telah dilaporkan. Panadol Soluble Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) [Public

→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFD)].

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Panadol Soluble Tablet**

#### - Penyimpanan

Jauhkan daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C.

#### - Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### - Rupa dan warna produk

Tablet rata, putih dengan tepi serong, kosong di satu sisi, talian pecah di sebelah yang lain. Larutan yang dihasilkan oleh tablet adalah lut sinar, tidak berwarna dan tidak berbau.

#### -Bahan-bahan kandungan

##### Bahan-bahan aktif

Paracetamol 500mg

##### Bahan-bahan tidak aktif

Sodium Bicarbonate  
Citric Acid Anhydrous  
Sodium Carbonate Anhydrous  
Sorbitol Powder  
Saccharin Sodium  
Povidone  
Sodium lauryl sulphate  
Dimethicone

#### -Nombor MAL

MAL19056018XRZ

### **Pengilang**

GlaxoSmithKline Dungarvan Limited, Knockbrack, Dungarvan, Co. Waterford, Ireland.

### **Dipek oleh**

Sterling Drug (Malaya) Sdn Bhd  
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/ Hulu Kelang Industrial Estate, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

GlaxoSmithKline Consumer Healthcare Sdn Bhd  
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/ Hulu Kelang Industrial Estate, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

08/04/2020

### **Nombor Siri**

NPRA(R2)19/64